

Masih Relevankan UMNO Kepada Orang Melayu?

USIA UMNO melebihi 60 tahun manakala Malaysia merdeka menjangkau 49 tahun. Setelah hampir 500 tahun Melayu dijajah oleh Portugis, Belanda, British dan Jepun yang memperlihatkan bagaimana orang Melayu bangkit sebagai satu bangsa yang bermaruah dan berdaulat walaupun masih banyak terdapat kelemahan dan kekurangan sehingga kini.

Semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada penjajah British dan penggubalan Perlembagaan Negara yang mencatatkan Perdana Menteri adalah dimestikan daripada kalangan pemimpin Melayu beragama Islam, maka kita dapat menyaksikan bagaimana Bapa Kemerdekaan almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dinobatkan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Perlu diperjelaskan di sini bahawa antara pra-syarat yang membawa kemerdekaan Tanah Melayu daripada British yang termetari di London ialah Tanah Melayu mesti ditadbir -urus oleh parti politik yang mewakili pelbagai budaya dan etnik serta kaum yang menetap di negara ini.

Justeru itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selaku Yang diPertua (President) UMNO pada ketika itu telah berjaya memujuk parti-parti yang mewakili dua kaum terbesar iaitu Cina (MCA) dan India (MIC) sama-sama membentuk satu pakatan antara parti yang mewakili tiga kaum, yang akhirnya dinamakan Parti Perikatan, yang menggunakan simbol Kapal Layar.

PENYUMBANG UTAMA


Daripada situlah bermulanya proses demokrasi yang menyaksikan sistem pilihan raya umum diperkenalkan di negara ini dan Parti Perikatan yang mewakili kaum-kaum di negara ini telah berjaya menguasai kerajaan dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilantik sebagai Perdana Menteri pertama selepas insiden 13 Mei 1969, Parti Perikatan telah ditukarkan namanya kepada Barisan Nasional (BN) yang turut dianggotai oleh parti-parti terbesar di Sabah dan Sarawak.

Setelah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berundur selepas peristiwa 13 Mei 1969, Timbalan Presiden UMNO ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Dato' Hussein telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-2 dengan membawa misi pembangunan luar bandar sebagai penjana ekonomi negara menerusi pembukaan tanah-tanah rancangan FELDA dan diikuti oleh FELCRA, yang mana sehingga kini menjadi penyumbang utama kepada kemantapan ekonomi Negara.

Bagaimapun, kejayaan cemerlang Tun Razak tidak berpanjangan apabila beliau meninggal dunia secara mengejut di London tetapi jasa-jasanya terhadap pembelaan orang Melayu di luar Bandar tetap dikenang sehingga sekarang dan beliau digelar sebagai Bapa Pembangunan Luar Bandar.

UMNO terus mengekalkan tradisinya sebagai sebuah parti yang berpegang teguh kepada amalan sistem demokrasi dan menjadi sebuah parti gergasi yang mendominasi kerajaan memerintah dan selepas ketiadaan Tun Razak, Tun Hussein Onn diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-3 dengan membawa misi Perpaduan Kaum sebagai teras kedaulatan negara.

Era kegagahan UMNO dan kecemerlangan orang Melayu dan kemasyhuran Malaysia diperingkat antara bangsa bermula sebaik sahaja Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun) menjadi Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tun Hussein yang mengambil kepu-



Oleh:
Haji Rizal Shah
Idris

tusan untuk berundur daripada parti dan kerajaan atas faktor kesihatan.

Dr. Mahathir mula melancarkan kejayaan demi kejayaan untuk mengangkat martabat dan maruah orang Melayu. Bermula daripada menyamakan masa di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung, pengenalan sistem perakam waktu di pejabat, pemakaian tanda nama bagi kakitangan awam sehinggalah membawa kepada pembinaan bangunan Daya Bumi di Kuala Lumpur, pembinaan jambatan Pulau Pinang, pengeluaran produk kereta nasional - Proton dan kepada pembinaan menara berkembar tertinggi di dunia, iaitu Menara KLCC.

Perubahan dan kejutan yang dilakukan oleh Dr. Mahathir selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri bukan sahaja boleh dibanggakan dari segi pembangunan kebendaan atau materialistik tetapi perlu dilihat dari sudut spiritual dan pembangunan minda, yang telah berjaya merubah cara berfikir orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya.

Walaupun orang Melayu tercabar dengan saingan bukan Melayu dalam pelbagai sektor, seperti ekonomi dan pendidikan, tetapi sekurang-kurangnya orang Melayu telah berjaya melepaskan diri mereka daripada kepompong dan kini mampu bersaing di peringkat global.

Dalam masa yang sama, Dr. Mahathir terus memperkasakan UMNO sebagai sebuah parti yang benar-benar berfungsi untuk menyelamatkan masa depan orang Melayu. Dr. Mahathir menjadikan UMNO sebagai parti yang disegani kawan dan lawan dan beliau juga telah berjaya mencorakkan masa depan UMNO menjadi terus relevan untuk kepentingan orang Melayu dan generasi akan datang menerusi beberapa penentangan dan perubahan.

PENENTANGAN TERBUKA

Bagaimapun, orang Melayu dan ahli-ahli UMNO tercabar dan menjalani ujian yang amat getir bilamana teretusnya penentangan reformasi akibat daripada penyingkiran bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada UMNO dan Kerajaan. Reformasi jalandan dan penentangan terbuka saki-baki pengikut Anwar benar-benar mencabar kewibawaan UMNO dan Kerajaan BN yang memerintah.

Tetapi, Orang Melayu dari ahli-ahli UMNO tetap bersatu dan tidak mudah terjebak dengan api seng keta yang ditiupkan oleh gerakan reformasi menerusi Parti Keadilan Nasional (Keadilan), mereka terus berdiri teguh di belakang kerajaan yang memerintah yang pada ketika itu diterajui oleh Dr. Mahathir dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaku Tim-

balan Perdana Menteri, mengisi tempat Anwar.

Persoalannya sekarang, apakah UMNO masih lagi relevan kepada orang Melayu sewaktu UMNO tidak lagi terhadapan dengan ancaman dan krisis dalaman yang boleh mengganggu-gugat kestabilan negara seperti timana yang pernah ditimbulkan oleh Anwar Ibrahim?

Apakah orang Melayu dan lebih 1.3 juta ahli-ahli UMNO masih lagi tebal kesetiaan mereka kepada pucuk pimpinan sewaktu kedudukan mereka dihipit oleh persaingan globalisasi dengan bermacam-macam isu yang melanda umat Melayu, seperti gejala murtad, pengangguran ribuan siswazah Melayu, peluang pekerjaan yang semakin sempit, jurang pendapatan antara kaum semakin melebar disamping tekanan-tekanan sosial yang amat hebat.

Justeru itu, UMNO yang kini sedang dipimpin oleh Datuk Seri Abdullah hendaklah lebih agresif untuk berhadapan dengan pelbagai isu yang melanda umat Melayu sekarang ini supaya tidak nanti orang Melayu akan berasakan diri mereka terbiar dan tidak mendeda pat pembelaan sewajarnya daripada UMNO. Ucapan-ucapan retorik dan slogan semangat kebangsaan yang bertalu-talu belum tentu lagi mampu menjamin survival orang Melayu yang dilihat mula merasa ragu dan was-was terhadap apa sebenarnya peranan UMNO.

Pemimpin-pemimpin UMNO yang ada sekarang, baik daripada barisan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO perlu menampilkan satu gerak kerja yang berkesan dan berpijak di bumi nyata yang melibatkan kepentingan seluruh rakyat jelata, bukan hanya kepada satu-satu golongan atau kumpulan tertentu kerana kepentingan politik atau peribadi. Sudah sampai masanya skop perjuangan sebenar dijelmakan dalam bentuk tindakan, bukan lagi cakap-cakap politik.

Beberapa isu yang melanda rakyat had ini perlu ditangani secara segera manakala tindakan hendaklah pantas dilakukan dengan lebih mengutamakan agenda perjuangan Melayu walaupun tindakan itu kadangkala tidak disenangi oleh sesetengah pihak.

UMNO tidak perlu gentar dan tunduk kepada tekanan pihak lain kerana matlamat perjuangan UMNO adalah jelas iaitu memperjuangkan agenda Melayu, tambahan lagi UMNO adalah tunjang kepada kekuatan kerajaan BN.

Dalam hubungan ini, kepimpinan Abdullah yang tegas dalam memerangi gejala rasuah dan mengutamakan kebajikan rakyat diharapkan berupaya membawa satu perubahan baru dalam pemikiran ahli-ahli UMNO untuk lebih menjadikan UMNO sebagai Parti yang sentiasa relevan kepada umat Melayu keseluruhannya.